

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG

TARIKH : 17 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9398

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik terperinci jenayah indeks dan bukan indeks di kawasan Gelang Patah (di bawah pentadbiran IPD Nusajaya) dari tahun 2010 hingga sekarang mengikut jenis jenayah dan berapakah kes telah dibicara ke mahkamah dan disabitkan kesalahan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam pengukuran kes jenayah yang berlaku dalam negara, pihak PDRM telah membahagikan kejadian jenayah kepada dua kategori iaitu jenayah indeks dan jenayah bukan indeks. Bagi maksud jenayah indeks, ia adalah jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai signifikan yang memadai untuk dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah.

Statistik jenayah indeks di Balai Gelang Patah, Johor bagi tempoh 2010 sehingga September 2016 adalah sebanyak 1,212 kes meliputi jenayah kekerasan antaranya seperti samun berkawan tanpa senjata api, rogol dan mencederakan serta jenayah harta benda antaranya seperti curi motosikal dan pecah rumah / curi. Manakala statistik bagi jenayah bukan indeks adalah sebanyak 993 kes.

Statistik pertuduhan bagi jenayah indeks di Balai Gelang Patah, Johor bagi tempoh 2010 sehingga September 2016 adalah sebanyak 142 kes.